



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

GREAT EVENT SDN. BHD. (201301012813)

TLJSG (OTTERNEST CAMP)

KG SRI GUNUNG PULAI 2

81500 PEKAN NENAS, JOHOR

(u.p.: AHMAD TARMIZI BIN YUSOF)

No. Telefon : 0143382599

E-Mel : gesbgroup@gmail.com

Selamat sejahtera

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/ Dr./Ts./ Tuan/ Puan,

PENDAFTARAN SEBAGAI PENGIMPORT AYAM BULAT BAGI TAHUN 2026

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan syarikat tuan telah didaftarkan sebagai pengimport Ayam Bulat bagi tahun 2026. Tiada sebarang caj/bayaran dikenakan untuk pendaftaran ini. Keterangan pendaftaran adalah seperti berikut:

No. Pendaftaran : PHAB/26/151 (DVS-AYB-P-2026/26-0062)
Produk : Ayam Bulat
Sumber : Negara dan loji yang diluluskan oleh DVS
(Rujuk: <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/299>)
Kuantiti : Terbuka – Berdasarkan kepada keperluan
Tempoh : 8 Januari 2026 - 31 Disember 2026

3. Pihak tuan diwajibkan mendapatkan **Permit Import** sebelum dagangan berlepas dari negara pengeksport, kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan **tindakan penguatkuasaan** oleh pihak MAQIS di bawah Seksyen 11, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

4. DVS Malaysia berhak menyekat pengimportan dari negara dan loji yang telah diluluskan sekiranya berlaku **kejadian penyakit** di negara tersebut dan berlaku perubahan status loji setelah review audit dijalankan. Status kelulusan akan dikemaskini dari semasa ke semasa di laman web yang telah dinyatakan di atas.

5. Kelulusan ini tertakluk kepada **perubahan dasar pengimportan** yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan

CATATAN

1. SYARAT-SYARAT BAGI PENGIMPORAN AYAM BULAT

- a. Mematuhi syarat dan keperluan import yang ditetapkan oleh DVS Malaysia.
- b. Sumber bekalan dari loji pemprosesan yang telah diluluskan di negara yang diiktiraf seperti tersenarai di laman web jabatan di pautan berikut: <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/299>
- c. Permohonan pendaftaran bagi tahun 2026, boleh dibuat bermula 01hb Oktober 2025 melalui sistem AgroTrade di pautan berikut : <https://agrotrade.kpk.gov.my>

2. AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011 (AKTA 728)

Keperluan bagi permit, lesen dan perakuan

- 11.
- (1) Tiada seorang pun boleh mengimport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma **tanpa permit, lesen atau perakuan** yang dikeluarkan di bawah Akta ini.
 - (2) Tiada seorang pun boleh mengeksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini.
 - (3) Mana-mana orang yang terlibat dalam **pengimportan** dan **pengeksporan** apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya** dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.